

PENGUASAAN KEMAHIRAN INSANIAH (KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN) DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH DI MALAYSIA

Sarimah Che Hassan

Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM/Politeknik KPTM)

Norlizah Che Hassan (Phd)

Jabatan Asas Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
norlizah@putra.upm.edu.my

Prof Madya Dr Nor Aisyah Buang (PhD)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Cabaran dunia pendidikan hari ini ialah untuk melahirkan pelajar yang menyeluruh dan seimbang daripada aspek jasmani, rohani, intelek dan emosi. Cabaran ini menjadi semakin hebat apabila meningkatnya masalah sosial dan akhlak dalam kalangan pelajar. Oleh itu, adalah penting untuk meneliti semula peranan pendidikan dalam membangunkan modal insan. Kemahiran insaniah merupakan suatu kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid-murid terutamanya untuk mencapai matlamat dan objektif pendidikan. Pengajaran yang berkesan merupakan teras kepada pembentukan modal insan dan kepentingan kemahiran insaniah adalah bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang memiliki sahsiah yang menyeluruh. Penulisan artikel ini berusaha meneliti peranan guru dalam menerapkan pembangunan modal insan yang menjurus kepada kemahiran Insaniah/*Soft skill* (aspek keusahawanan). Penjelasan secara ringkas tentang kemahiran keusahawanan ialah melibatkan keupayaan diri pelajar untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan yang merangkumi kebolehan mengenalpasti peluang perniagaan, kebolehan merangka perancangan perniagaan dan kebolehan untuk bekerja sendiri. Unsur ini adalah penting untuk dikuasai oleh guru yang kompeten untuk diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Secara lebih khusus, penjelasan tentang proses penerapan elemen kemahiran keusahawanan dikemukakan bagi menerangkan peranan yang perlu dilaksanakan oleh guru di sekolah. Bagi memastikan keberkesanan penerapan ini maka guru yang kompeten hendaklah dilahirkan. Guru yang kompeten bukan sahaja mampu mengajar murid dengan cemerlang, tetapi juga mempunyai ketrampilan diri yang meyakinkan dan berpegang kepada prinsip kerja yang tekun, begitu juga aspek pemahaman yang jitu berkaitan unsur kemahiran insaniah (kemahiran keusahawanan) ini. Guru seharusnya mempunyai segala kemahiran generik yang bersesuaian dengan keperluan pendidikan masa kini di samping ilmu pengetahuan berkaitan matapelajaran yang diajar.

Kata kunci : peranan guru, penerapan kemahiran insaniah, elemen keusahawanan

Pengenalan

Kertas ini membincangkan tentang kualiti dan sifat kompetensi yang perlu dikuasai oleh setiap guru, dalam usaha untuk memupuk nilai-nilai dan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Usaha ini amat perlu dalam konteks ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Selari dengan visi 2020, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang saintifik dan progresif, mempunyai daya inovatif dan kreatif yang tinggi, maju dari segi sains dan teknologi (Zulfakar et al. 2010). Untuk menggerakkan usaha bagi mencapai wawasan negara, modal insan yang inovatif dan kreatif serta berpengetahuan tinggi adalah aset penting yang perlu difokuskan. Maka langkah pertama yang perlu dimulakan adalah dengan membangunkan model insan kelas dunia melalui pendidikan (Razali 2007 dalam Zulfakar et al.2010).

Institusi pendidikan diberi peranan sebagai tempat untuk memupuk insan yang boleh menyumbang dan mengamalkan cara hidup yang positif, selain berjaya mencapai pendidikan tinggi dan menjadi insan yang cemerlang (Nosila,2008). Antara isu dan agenda yang diberi keutamaan dalam usaha melahirkan individu yang cemerlang ialah penerapan nilai-nilai dan budaya keusahawanan.

Kemahiran Keusahawanan adalah merupakan antara kemahiran penting dalam kemahiran-kemahiran insaniah (*soft skills*) yang harus dimiliki oleh pelajar-pelajar) sama ada dari peringkat pengajian rendah atau peringkat pengajian tinggi. (Norasmah et al, 2003). Bidang Keusahawanan dianggap berupaya melahirkan sumber tenaga manusia yang dapat memelihara kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara. Ia merupakan landasan kepada pembangunan insan . Komponen utama membudayakan keusahawanan ialah melalui pengenalan program keusahawanan bermula di bangku sekolah rendah lagi. Pendedahan terhadap budaya keusahawanan ini adalah menepati hasrat dan objektif pihak kerajaan untuk mewujudkan masyarakat usahawan yang berdaya saing dan berdaya tahan (Rosli Mahmood et al, 2008).

Maka dengan itu, guru sebagai penjana modal insan, mempunyai tanggungjawab untuk melakukan inovasi (Subahan 1999, Saipon 2002 dalam Hanum et ,al 2008.), bukan hanya menyampaikan ilmu dan memberi maklumat, namun bertanggungjawab membimbing pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diterima dalam realiti dunia hari ini yang sentiasa mengalami perubahan di luar kawalan. Dalam usaha pembinaan sahsiah pelajar atau kemahiran insaniah menerusi kemahiran keusahawanan, peranan guru adalah amat penting dan mencabar. Ketidakberhasilan guru memenuhi kriteria kemahiran yang diperlukan, bakal menggagalkan usaha kerajaan. Persoalannya sekarang ialah setelah FPN dihasilkan, wawasan 2020 digariskan dan lebih dua dekad KBSR dan KBSM dilaksanakan, setakat manakah penerapan kemahiran insaniah menerusi kemahiran keusahawanan dilaksanakan di sekolah-sekolah. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru dalam usaha murni ini? Bagaimana pula dengan penerimaan, penebatian dan penghayatan pelajar? Kim Seng, 2000 (dalam Nabiroh et al, 2010) menyatakan perkembangan mutakhir menyaksikan terdapatnya kebimbangan berlakunya penghakisan nilai-nilai insaniah dalam kalangan masyarakat Malaysia. Perbuatan salah laku seperti pengguguran haram, penyalahgunaan dadah,, poteng sekolah, remaja lari dari rumah telah meningkat dari semasa ke semasa. Sedangkan jika dihayati dengan

teliti kemahiran keusahawanan mampu membentuk masyarakat insan yang pandai membawa hala tuju hidup, bijak mengambil peluang dan membuat keputusan. Di sini kita perlu melihat kepada kepentingan peranan guru sebagai penerap nilai murni dan insaniah, untuk merealisasikan matlamat pendidikan dan seterusnya mengatasi atau menghapuskan masalah kedaifan nilai-nilai insaniah yang berlaku dalam masyarakat masakini.

Konsep Kemahiran Insaniah

Kemahiran Insaniah (soft skills) adalah merujuk kepada ciri-ciri keperibadian, daya tarik sosial, kemampuan berbahasa, norma peribadi, sikap kepekaan atau kepedulian serta sikap optimis seseorang (Wikipedia). Menurut Mohd Salleh et.al (2010), kemahiran insaniah adalah merupakan kemahiran yang perlu dimiliki oleh seseorang untuk berfungsi dengan berkesan sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki. Kemahiran insaniah berkembang melalui proses semula jadi seperti tumbesaran, kematangan dan penuaan (Megat Aman Zahiri,2007). Jabatan pendidikan Tinggi, KPM meletakkan piawai bagi semua kurikulum dalam pendidikan tinggi di Malaysia harus mempunyai reka bentuk yang menerapkan kemahiran-kemahiran generik yang meliputi;

1. Kemahiran berfikir,bertindak, mengadaptasi, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
2. Kemahiran interpersonal dan komunikasi
3. Kemahiran ICT, multimedia dan kemahiran pengurusan maklumat
4. Kemahiran kepimpinan
5. Kemahiran keusahawanan

Kemahiran dan pengetahuan yang wujud pada guru menjadikan mereka guru yang berkualiti. Guru yang berkualiti amat penting dalam memastikan agenda kerajaan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Definisi Konsep Keusahawanan

Pelbagai definisi keusahawanan yang berbeza telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana dalam bidang keusahawanan. Menurut Scumpeter (1934) keusahawanan bermaksud menjalankan kombinasi baru seperti produk/servis baru. Kuratko & Hodgett (2004) dan Mohd Salleh melihat keusahawanan sebagai ciri-ciri yang dimiliki oleh usahawan yang membolehkan usahawan mencari peluang-peluang, mengambil risiko yang belum pasti dan mempunyai kecenderungan untuk menjadikan idea sebagai realiti. Keusahawanan juga dikaitkan dengan sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang mampu dan cekap untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkan kepada strategi-strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan (Barjoyai,2000).

Maka Kemahiran Keusahawanan bolehlah dirumuskan sebagai minat dan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran terhadap risiko (risk awareness), kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan. Kegiatan keusahawanan merupakan satu proses memupuk dan melahirkan pelajar dengan budaya berniaga (Hussaini et al, 2009).

Konsep Pendidikan Keusahawanan

Pendidikan keusahawanan merujuk kepada satu proses mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang segala kegiatan yang dilakukan oleh usahawan melalui pengajaran dan pembelajaran (Nor Aishah Buang, 2006) sama ada secara formal atau tidak formal. Ia satu usaha untuk membina potensi keusahawanan individu melalui pelaksanaan kurikulum keusahawanan dan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Nor Aishah (2006) menyatakan bahawa kurikulum pendidikan keusahawanan diasaskan kepada empat tunjang iaitu pembentukan sikap atau ciri-ciri penting, pembentukan atau orientasi, kemahiran pengurusan perniagaan dan pembentukan vokasional. Manakala Ashmore (1989) dan Miller (1983) sependapat bahawa pendidikan keusahawanan adalah satu proses pembelajaran seumur hidup yang bermula dari sekolah rendah hingga ke pelbagai peringkat pendidikan.

Tujuan pendidikan keusahawanan adalah untuk mengembangkan potensi pelajar ke arah yang lebih kreatif, berinisiatif dan bijaksana dalam membuat keputusan. Pendidikan keusahawanan juga mengajar seseorang itu supaya bersedia mengenal pasti peluang dan merebut peluang yang tercetus dalam persekitarannya, menterjemahkan idea ke dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi, di samping bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian (Yap Poh Moi, 2002). Antara ciri-ciri keusahawanan yang perlu dibentuk melalui pendidikan keusahawanan adalah keperluan untuk pencapaian, kepimpinan, kreatif, berkeyakinan, mempunyai hubungan jalin, berinisiatif, mengambil risiko, berimajinasi dan berkeupayaan menganalisa. Clouse et.al (2003) mencadangkan kurikulum pendidikan keusahawanan perlu memberi penekanan kepada kreativiti, pembelajaran berasaskan masalah dan kemahiran menyelesaikan masalah serta memfokuskan kepada kesedaran peluang-peluang. Kepentingan pendidikan keusahawanan semakin dirasai keperluannya apabila wujudnya masalah pengangguran yang semakin meruncing di kalangan belia Malaysia. Mengikut Ibrahim Abu Shah (2004) antara penyebab kepada pengangguran siswazah adalah dikaitkan dengan kualiti pendidikan dan kebolegunaan tenaga siswazah.

Sehubungan dengan itu, usaha-usaha perlu dijalankan untuk memberi dorongan keusahawanan kepada pelajar-pelajar. Pelbagai strategi telah dilaksanakan untuk mengintegrasikan pendidikan keusahawanan dalam sistem pendidikan negara sama ada melalui pelaksanaan kurikulum secara formal mahupun kurikulum, yang bermula di peringkat sekolah sehingga ke institusi pengajian tinggi (IPT, 2006). Di peringkat sekolah, penerapan budaya keusahawanan disediakan dalam mata pelajaran yang berorientasikan keusahawanan seperti Perdagangan, Ekonomi, Perakaunan, Kemahiran Hidup Bersepadu dan juga melalui program-program khas yang terlibat dengan kegiatan jual-beli seperti Program Keusahawanan Remaja (Norasmah et.al. 2003). Mulai tahun 2002, mata pelajaran Keusahawanan diperkenalkan sebagai mata pelajaran elektif kepada pelajar di bawah aliran pendidikan teknikal di Sekolah Menengah Teknik. Mata Pelajaran pengajian perniagaan dimasukkan ke dalam kurikulum tingkatan enam dan tajuk keusahawanan merupakan terasnya (Armanurah et al. 2009).

Selaras dengan Rancangan Malaysia Ke 9 (RMK – 9) yang menekankan pembangunan modal insan, keusahawanan dilihat sebagai bidang yang amat tepat dan perlu diberikan keutamaan untuk melahirkan murid yang berjiwa kental dan kompetitif.

Pendedahan awal terhadap keusahawanan melalui kurikulum telah mula diberi penekanan kepada murid melalui mata pelajaran yang berorientasikan keusahawanan seperti Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB), Perdagangan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Perakaunan dan Ekonomi (BPPDP, 1996). Selain daripada pemupukan budaya keusahawanan melalui kurikulum, proses ini juga diterapkan melalui kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah.

Program Perintis Usahawan (PPU) telah diperkenalkan kepada murid-murid sekolah rendah di tahun 4,5 dan 6 bertujuan sebagai pelengkap kepada program pembudayaan keusahawanan sedia ada yang telah dilaksanakan di peringkat sekolah menengah dan Institusi pengajian tinggi. Program ini bertujuan untuk memupuk dan membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah rendah (Ura Pin et al. 2010).

Hubungan antara Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran Keusahawanan adalah sebahagian daripada Kemahiran Insaniah. (Norasmah et al, 2003). Adalah menjadi matlamat kerajaan untuk melahirkan usahawan yang berpekerti mulia dan cemerlang. Kajian menunjukkan bahawa menerusi keusahawanan akan terbina sifat-sifat terpuji pada diri individu. Agama Islam sendiri mengangkat bidang peniagaan atau keusahawanan sebagai menguasai sembilan daripada sepuluh sumber memperoleh rezeki dan kesenangan, malah untuk tujuan kebajikan juga. Namun perniagaan atau perusahaan tersebut mestilah diusahakan secara beretika dan menepati sifat-sifat Islam yang tulen. Nabi Muhammad s.a.w sebelum diangkat menjadi Rasul Allah, adalah seorang usahawan yang berjaya dan berakhlak mulia. Kejayaan, kecekapan dan kejujuran baginda menguruskan perniagaan menjadikan baginda terkenal dengan gelaran Al Amin yang bermakna yang jujur dan yang beramanah di kalangan bangsa Arab. Sifat dan ketokohan baginda menjadi sebutan dan ikutan sehingga ke hari ini bukan hanya di kalangan orang Islam malah yang bukan Islam juga. (Rosli mahmood et. al,2009). Nilai-nilai sebeginilah yang diharap mampu diterapkan kepada pelajar-pelajar yang bakal menjadi usahawan pada masa hadapan. kerana itulah kemahiran keusahawanan dijadikan salah satu elemen utama dalam kemahiran insaniah yang ingin diterapkan kepada semua pelajar sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah atau peringkat pengajian tinggi.

Menurut Rohanida Abd. Manaf dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2002) dan Mohd Hamidi Bin Abdul Hamid (2002) dalam Hanum Hassan et al,(2008), peranan ko-kurikulum begitu penting dalam membangunkan kemahiran insaniah dalam aspek kepimpinan individu. Menurut mereka, aktiviti kokurikulum lebih banyak menanam, memupuk dan memberi latihan awal dari segi aspek kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar.

Kemahiran Keusahawanan yang ingin diperkenalkan dalam Kemahiran Insaniah (soft skills) adalah mempunyai 4 tahap berikut:

1. Kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan
2. Kebolehan merangka perancangan perniagaan
3. Kebolehan membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan.
4. Kebolehan untuk bekerja sendiri.

Kompetensi Guru

Bagi menghasilkan guru yang kompeten, proses penguasaan kemahiran insaniah perlu dilaksanakan seawal mungkin termasuklah semasa mengikuti program perguruan. Keputusan akademik yang cemerlang tidak memadai untuk menjadi guru yang kompeten, maka seharusnya menguasai dengan baik kesemua elemen dalam kemahiran insaniah (Mohd Fariiqul Amin,2009).

Kompeten membawa maksud cekap, berwibawa dan terlatih. Jadi guru yang kompeten boleh dianggap sebagai guru yang terlatih, berwibawa dan mempunyai kecekapan bukan hanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, malah juga di luar bilik bilik darjah. Guru yang kompeten dianggap guru yang mampu menguasai dan berkemahiran dalam sesuatu bidang yang diajarnya. Oleh sebab itu guru perlu mempunyai kemahiran-kemahiran bukan sahaja kemahiran mengajar, tetapi juga kemahiran mengurus, memimpin, berkomunikasi dengan berkesan dengan guru lain, mampu menyelesaikan masalah, serta mempunyai etika kerja yang tinggi (Nasuha, 2009). Kesemua elemen ini merupakan elemen yang membawa kepada pembentukan attribute guru dalam kemahiran insaniah.

Guru yang kompeten dan mampu menguasai pelbagai kemahiran bukan sahaja mampu mengajar dengan cemerlang, tetapi juga mempunyai keterampilan diri yang meyakinkan, berpegang dengan prinsip kerja yang tekun, serta bijak menempatkan diri dalam kalangan komuniti sekolah (Erdiana, 2006). Guru-guru sepeerti inilah yang diharapkan untuk membantu bahagian pendidikan melahirkan individu-individu yang mempunyai potensi diri sebagaimana yang diinginkan oleh kerajaan.

Kompetensi Guru Keusahawanan

Berdasarkan kajian literature ke atas kajian psikologi keusahawanan, pengurusan sumber manusia dan pendidikan juga kajian ke atas amalan lapangan; Kajian terkini telah mengenal pasti enam sifat atau gelagat yang perlu ada pada guru keusahawanan (Dam, K.V et al,2010) iaitu;

1. '*entrepreneurial knowledge*'
2. '*career adaptability*'
3. '*occupational self-efficacy*'
4. '*creative thinking*'
5. '*networking skill*'
6. '*teamwork skill*'

Dengan memiliki ke enam-enam elemen ini, akan menguatkan hubungan antara guru dan juga sifat-sifat keusahawanan. Sekiranya menguasai kemahiran keusahawanan, maka tidak sukar bagi guru untuk menyampaikan ilmu keusahawanan sama ada secara teori atau praktikal kepada pelajar dengan cemerlang.

Keperluan Penguasaan Kemahiran Insaniah (Keusahawanan) Guru Sekolah

Atas kesedaran untuk mewujudkan masyarakat yang produktif serta berdaya saing, pelbagai usaha telah diambil untuk meningkatkan minat lebih ramai pelajar menyertai bidang keusahawanan. Namun, usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya jika tidak dilaksanakan dengan cara yang betul. Kelemahan dan kegagalan usaha kerajaan ini sering dibangkitkan (Ura Pin, et al,2009).

Manakala guru menjadi salah satu elemen terpenting bagi menjamin matlamat dan impian kerajaan untuk melahirkan masyarakat keusahawanan yang cemerlang tercapai. Menjadi tanggungjawab guru untuk menguasai kemahiran keusahawanan sama ada bagi proses pengajaran di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Mereka perlu sentiasa mempertingkatkan kebolehan dan kemahiran diri, inovatif dan kreatif (Hanum,2008) agar pengajaran mereka selari dengan keperluan masa dan perubahan yang sentiasa berlaku.

Selain itu, kemahiran keusahawanan melibatkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan (Husaini et al, 2008). Ia merangkumi aspek;

1. kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan;
2. kebolehan merangka perancangan perniagaan;
3. kebolehan untuk bekerja sendiri.

Dalam melaksanakan sesuatu pengajaran, penceramah /guru perlu memilih kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pelajar dan tujuan pembelajaran, ini kerana terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang berbeza mengikut situasi tertentu. Misalnya, bagi menyampaikan pengetahuan berkaitan sesuatu kemahiran, penceramah disyorkan menggunakan kaedah pengajaran berbentuk demonstrasi, pengajaran berpasukan, main peranan, kerja lapangan dan projek. Sementara bagi menerangkan perkara yang berkaitan dengan teori, kaedah yang dicadangkan ialah kaedah kuliah, perbincangan dan soal jawab. Manakala, untuk menerangkan fakta berkaitan sikap (afektif), kaedah yang disyorkan ialah kaedah bahas dan perbincangan. Foxon (1990) berpendapat kejayaan sesuatu program tidak akan diperoleh jika pengajaran berbentuk teori sahaja diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut mereka gabungan pengajaran berbentuk teori dan praktikal perlu dilaksanakan. Pendeknya, kaedah pengajaran seperti demonstrasi, main peranan, aktiviti yang memerlukan pelajar terlibat secara aktif diperlukan jika ingin menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.

Bersesuaian dengan pendapat Drunker (1985) usahawan boleh dibentuk, guru-guru mata pelajaran keusahawanan yang telah menguasai ilmu kemahiran keusahawanan dan mempunyai ciri-ciri seorang usahawan sudah pasti mampu untuk menggabungkan kemahiran keusahawanan dan kemahiran insaniah. Ini kerana komponen dalam kemahiran keusahawanan itu sendiri secara semula jadi telah tersedia sifat-sifat murni yang menjadi matlamat pembangunan nilai-nilai insaniah pelajar seperti kesungguhan, tidak mudah putus asa, bermotivasi, berinovasi, bijak membuat keputusan dan lain-lain. Kebijaksanaan guru menggabungkan kemahiran insaniah dan keusahawanan akan dapat menimbulkan motivasi dan minat pelajar untuk menguasai subjek keusahawanan sama ada secara teori atau praktikal. Ini bermakna pelajar bukan hanya mengetahui kepentingan keusahawanan dan nilai-nilai murni untuk kegunaan kehidupan sahaja namun dapat mengintegrasikan kepentingan ilmu tersebut dalam pembangunan ekonomi dan kualiti hidup diri, masyarakat dan negara (Zulfakar,2010).

Banyak kajian di peringkat sekolah mendapati pelajar memang mempunyai minat dalam keusahawanan tetapi masih rendah ilmu pengetahuan tentang cara perniagaan beroperasi. Mohd. Salleh (1992) melaporkan kesan potensi keusahawanan

semasa dalam proses pembelajaran akan mempengaruhi aspirasi keusahawanan dan pemilihan untuk bekerja sendiri. Dengan sebab itu dapatan kajian ini mendapati pelajar sekolah menengah yang mempunyai potensi dan ciri-ciri serta sikap yang tinggi perlu dipupuk untuk mewujudkan kesedaran dan persediaan memilih keusahawanan sebagai satu alternatif kepada kerjaya kerana Hatten et al. (1995) juga mendapati ciri-ciri dan sikap pelajar berubah setelah terlibat dengan Program Perniagaan Kecil. Pandangan daripada ramai pengkaji tentang keperluan komponen keusahawanan untuk para pelajar tidak dapat disangkal lagi. Humam (1988) umpamanya menyarankan bahawa latihan keusahawanan perlu untuk memberi pendedahan kepada para pelajar semasa usia masih muda.

Maka kesediaan guru merupakan salah satu elemen penting serta dapat memainkan peranan untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dalam suasana dan kaedah pembelajaran yang baru. Sekiranya guru tidak bersedia, maka segala program yang akan dijalankan oleh pembuat dasar tidak akan dapat dijayakan dengan cemerlang. Tahap kesediaan guru boleh dilihat pada aspek sejauh mana perlengkapan guru dari segi pengetahuan dan sikap terhadap sesuatu ilmu itu (Mohd Ilham dan Noraini 2007 dalam Zulfakar et al,2010). Menurut Mook Soon Sang (2002), kesediaan adalah keupayaan persiapan individu di dalam kendirinya untuk memulakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran, ia boleh terbahagi kepada kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor. Namun kesediaan ini dipengaruhi juga oleh beberapa faktor iaitu faktor kematangan, minat, kemahiran asas, pengetahuan, pengalaman dan motivasi. Faktor-faktor ini sangat membantu dalam mewujudkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih lebih aktif, mudah, seronok dan berkesan. Kesediaan akan mewujudkan keseronokan menghadapi pembelajaran pada dua-dua pihak pelajar dan guru. Sebaliknya, tanpa kesediaan, pelajar dan guru akan melihat proses pengajaran dan pembelajaran sebagai suatu tugas yang membebankan.

Pendidikan keusahawanan telah diintegrasikan dalam sistem pendidikan dan meninggalkan kesan positif terhadap pelajar. Didapati bahawa pendidikan keusahawanan telah berjaya menimbulkan kesedaran dan mengubah sikap serta persepsi pelajar kepada lebih positif terhadap bidang keusahawanan. Namun begitu kajian menunjukkan bahawa guru (terutama pada tahap awal pelaksanaan) belum dapat menghayati sepenuhnya tujuan, kandungan dan kaedah pelaksanaan yang khusus untuk pendidikan keusahawanan (Yap Poh Moi, 2002).

Walaupun berlaku peningkatan dalam jumlah latihan dan pendidikan keusahawanan, namun Jeannings dan Hawley (1996) menyatakan bahawa kebanyakan latihan tersebut kurang memenuhi keperluan kumpulan sasaran. Kerap kali terdapat jurang dalam aspek keperluan latihan di antara pihak yang menawarkan latihan dengan kumpulan yang menerima. Begitu juga kebanyakan program keusahawanan lebih cenderung ke arah orientasi tugas berbanding orientasi tingkah laku dan memberi penekanan kepada kemahiran pengurusan perniagaan seperti kewangan dan pemasaran, dan mengabaikan kemahiran seperti kreativiti, inovasi dan penyelesaian masalah. Rata-rata lebih menyokong kepada saranan penggunaan kaedah yang lebih fokus kepada praktikal dan 'active-based approach' kerana dianggap lebih sesuai bagi pendidikan kemahiran keusahawanan..

Fayolle (2000) menekankan tentang kepentingan untuk mewujudkan persekitaran keusahawanan dalam institusi pendidikan. Kedua-dua budaya sama ada budaya organisasi atau budaya persekitaran, adalah kunci utama untuk menggalakkan semangat keusahawanan dan penubuhan perniagaan. Ini bermaksud bahawa aktiviti-aktiviti keusahawanan sepatutnya diintegrasikan dalam program-program institusi sejak awal lagi dan disokong oleh budaya sekolah.

Bagi mewujudkan sistem pendidikan keusahawanan yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran, terdapat beberapa cadangan falsafah pengajaran yang berupaya dapat merangsang dan menggalakkan pembelajaran di dalam kelas (Rosli Mahmood, et al, 2010). Di antaranya ialah:

1. pembelajaran sangat penting dan seharusnya menghiburkan;
2. pelajar perlu dihormati dan disayangi sebagai individu yang unik;
3. pelajar sepatutnya pembelajar yang aktif. Mereka seharusnya digalakkan menyerlahkan minat, pengalaman, idea dan materialnya untuk dibawa ke dalam pembelajaran. Mereka seharusnya dibenarkan berunding berkaitan kerja sekolah bersama guru dan berikan autonomi kepada mereka dalam membuat keputusan;
4. pelajar sepatutnya berasa selesa dan kondusif di dalam kelas. Tekanan dan ketegangan seharusnya dihindari di dalam kelas;
5. pelajar juga seharusnya mempunyai rasa pemilikan dan bangga dengan kelasnya. Mereka perlu didorong terlibat dengan suasana kelas dan susun aturnya. Pendidik sepatutnya mengatakan, “ ini bukan kelas saya, ini adalah kelas kita bersama!.”;
6. pendidik ialah sumber bukan pegawai polis, pegawai penjara atau tuhan. Pelajar harus dihormati dan mereka juga perlu berasa selesa ketika bersama dengan pendidiknya;
7. pendidik harus menyedari mereka berbakat, berpengetahuan dan bijak; namun pendidik bukanlah sempurna;
8. pelajar seharusnya berasa selesa berbincang masalah secara terbuka dengan pendidik dan rakan-rakan sebayanya;
9. kerjasama sangat penting ke arah persaingan;
10. pengalaman pembelajaran perlu hampir dengan pengalaman sebenar pelajar;
11. pelajar perlu memiliki ‘kuasa’ dan tanggungjawab di dalam kelas.

Selain daripada itu, Rosli Mahmood et al (2009) juga mencadangkan beberapa kaedah yang mampu membantu keberkesanan pendidikan keusahawanan ialah dalam aspek memotivasikan dan meningkatkan kesediaan guru ialah:

- a. memberi peluang kepada pensyarah/guru dan kakitangan berkaitan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan, melakukan kesilapan, menjalani eksperimen, diberi masa dan jadual fleksibel serta mencipta situasi tidak menentu;
- b. menggalakkan persekitaran pembelajaran yang kurang berstruktur rigid di samping menggunakan saluran komunikasi tidak formal;
- c. membentuk institusi pendidikan yang memberi penghargaan kepada pelajar dan pensyarah/guru mengikut keputusan, kreativiti dan inisiatif masing-masing.

Cadangan dan Kesimpulan

Menjadi matlamat kerajaan untuk menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya di kalangan masyarakat. Usaha kerajaan untuk menerapkan kefahaman tentang kepentingan bidang keusahawanan dalam membina kehidupan yang lebih baik juga sumbangannya kepada kemajuan dan pembangunan negara telah diberikan tanggungjawab kepada Institusi pendidikan seawal pendidikan di peringkat sekolah rendah lagi.

Peranan guru adalah begitu penting dalam melaksanakan matlamat kerajaan. Keupayaan guru menguasai kemahiran insaniah terutama dalam aspek kemahiran keusahawanan bakal penjana matlamat kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai ekonomi berdaya saing menjelang tahun 2020.

Didapati bahawa pendidikan keusahawanan telah berjaya menimbulkan kesedaran dan mengubah sikap serta persepsi pelajar kepada lebih positif terhadap bidang keusahawanan.. Namun begitu kajian menunjukkan bahawa guru (terutama pada tahap awal pelaksanaan) belum dapat menghayati sepenuhnya tujuan, kandungan dan kaedah pelaksanaan yang khusus untuk pendidikan keusahawanan (Muhammad, 1994 ; Yap Poh Moi, 2002 & Leino, 2007;). Beberapa kajian dijalankan bertujuan untuk meninjau aspek guru dari segi kesediaan, minat, kemampuan dan gaya pengajaran mereka dalam proses melaksanakan PPU di sekolah masing-masing. Walaupun berlaku peningkatan dalam jumlah latihan dan pendidikan keusahawanan, namun Jeannings dan Hawley (1996) menyatakan bahawa kebanyakan latihan tersebut kurang memenuhi keperluan kumpulan sasaran. Kerap kali terdapat jurang dalam aspek keperluan latihan di antara pihak yang menawarkan latihan dengan kumpulan yang menerima. Walau apapun pendekatan yang diguna, para guru seharusnya hendaklah mempunyai motivasi dan minat untuk menguasai kemahiran insaniah ini dan seterusnya menerapkan elemen ini kepada murid-murid.

Rujukan

- Armanurah Mohamad, Abdul Razak Amir dan Sarimah Che Hassan. 2009. *Pembangunan Sumber Daya Manusia Melalui Pendidikan Keusahawanan*. Kertas dibentangkan di Persidangan Malindo Nusantara 1, Anjuran UKM- Universiti Andalas, Bukit Tinggi, Sumatera, 16- 17 Disember 2009.
- Ashmore, C.M. 1989. *The power of entrepreneurship: a process perspective*. Canada: Thompson South Western.
- Barjoiyai Bardai. 2000. *Keusahawanan dan Perniagaan Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Clouse, R.W., Goodin, T., Davey, M & Jeff Burgoyne, J. 2003. *Entrepreneur In Action: An Integrated Approach To problem Solving Via The Internet*.
- Dam, K.V; Schipper, M & Runhaar, P. 2010. *Developing a competency based framework for teachers' entrepreneurial behavior*. Teaching and teacher education 26 : (2010): 965-971. Netherland. www.elsevier.com/locate/tate.
- Drucker, P.F. 1985. *Innovation and entrepreneurialships*. New York. Harper Perennial.
- Dr Haji Abdul Rahman Bin Ahmad. 2006. *Pembangunan Modal Insan : Apa Dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi Di Malaysia*. Human Resource Academi. Pustaka Darul Hikmah, Alor Setar, Kedah.

- Erdiana Timmong. 2006. Satu kajian Kes tahap Kesedaran Terhadap Kepentingan Kemahiran Generik Dalam Usaha Melahirkan Graduan Cemerlang di Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda UTM. Tidak diterbitkan.
- Fayolle, A., (2000), *Exploratory Study to Assess the Effects of Entrepreneurship Programs on Student Entrepreneurial Behaviours*, Journal of Enterprising Culture, Vol. 8 No.2, pg 169-184
- Hanum Hassan, Razli Ahmad dan Lt. Kol. (B) Azuddin Bahari. 2008. *Kemahiran Insaniah Dan Kepentingan Penerapannya Dalam Program Baktisiswa Perdana Unimap*. Pusat Kemahiran Komunikasi Unimap. <http://dspace.unimap.edu.my/dspace/bitstream/123456789/5842/1./pdf/>.
- Humam Hj Mohamed. 1988. Entrepreneurial development in Malaysia with special reference to training and development initiatives. Thesis PhD. Stirling University of Stirling.
- Husaini, Muhammad Haron and Ahmad, Khairul Anuar. 2008. *Kemahiran keusahawanan: satu kajian analisis kandungan buku-buku teks*. dalam: Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008, 18-19 Ogos, 2008, Hotel Mahkota, Melaka. (Unpublished). (http://eprints.uthm.edu.my/129/1/muhammad_haron_husaini.pdf)
- Ibrahim Shah. 2004. Graduan dan Isu Pengangguran. Perbentangan di Konferensi TNCA dan Dekan-Dekan IPTA, 21 Julai, Pan Pacific KLIA.
- Kuratko, D.F & Hodgetts Richard, M. 2004. *Entrepreneurship theory process practice*. Ed. Ke-6. Ohio: South-Western, Thompson Corporation.
- Megat Zakaria Megat Aman Zahiri .2007. Hubungan antara kemahiran generik dengan jantina, pengkhususan dan pencapaian guru-guru pelatih UTM: Satu tinjauan.
- Miller, M.D. 1983. A model of life long entrepreneurship education. Kertas kerja The National Centre for research in Vocational Education, Columbus, Ohio, 21-22 September.
- Mohd Faariqul Amin Mohd Rosli. 2009. Persepsi Pelajar SPI Terhadap Amalan Kemahiran Insaniah Dalam Pembelajaran Projek Sarjana Muda UTM. Tidak diterbitkan.
- Mook Soon Sang. 2002. *Pendidikan di Malaysia untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 1*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Mohd Salleh Abu, Meor Ibrahim Kamaruddin, Zainudin Abu bakar, Mohd Ali Ibrahim, Megat Aman Zahiri Megat Zakaria dan Muhammad Abu Hadi Bunyamin. 2010. Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Guru Pelatih Fakulti Pendidikan UTM. Kertas Institusi. Fakulti Pendidikan, UTM.
- Nabiroh Kasim, Nik Mohad Rahimi Dan Mohd Aderi. 2010. *Amalan Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran Sekolah Rendah*. Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM; jilid.1:4. Fakulti Pendidikan, UKM. Bangi.
- Nor Aishah Buang. 2006. Deraf Pendidikan Keusahawanan.
- Norasmah Hj. Othman, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Mohd Ibrahim Nazri & Rohani Ahmad Tarmizi. 2003. Aplikasi model kolb dalam program keusahawanan remaja. *Jurnal Teknologi*, 38(E) Jun. 2003: 49–64 © Universiti Teknologi Malaysia. <http://www.penerbit.utm.my/onlinejournal/38/E/JT38E4.pdf>

- Nur Nashuha Shafain.2009. Kepentingan Penguasaan Kemahiran Generik dalam Kalangan pelajar tahun akhir 4 SPH (Perdana) Fakulti Pendidikan, UTM Sebagai Persediaan Bakal Guru Di Sekolah. Projek Sarjana Muda ITM. Tidak diterbitkan.
- Rosli Mahmood, Azrain Nasyrh Mustapa, Rosli Mohd Saad, Mohamad Yusof Mohd Jani, Norria Zakaria, Syahrina Abdullah, Ahmad Khairi Yahya, Hoe Chee Hee, Shamsul Huda Abd Rani, Muhammad Shukri Bakar, Shiza Sa'atar, Lily Julienty Abu Bakar, Habshah Bakar. 2010. *Prinsip-Prinsip Keusahawanan : Pendekatan Gunaan*. Edisi Kedua. Cengage Learning Asia Pte. Ltd. Singapore.
- Schumpeter, J.1934 The theory of economic development. Dlm Okum,E.(pnyt). Studies in economic development,hlm.64. Cambridge MA: Harvard University.
- Norsila Abdul Rahman.2008. Kecenderungan Guru PKPG (4SPH) Terhadap Bidang Keusahawanan. Ijazah Sarjanamuda Teknologi serta pendidikan (Kemahiran Hidup).Fakulti Pendidikan, UTM. Sekudai, Johor.
- Ura Pin @ Chum, Norasmah Othman dan Jamil Ahmad. (2010) *Penilaian program perintis usahawan (PPU) di sekolah rendah. Kertas Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*. <http://pkukmweb.ukm.my/fpendidikan/images/download/17.173-192> KemajuanUra,Norasmah &Jamil.pdf.
- Yap Poh Moi. 2002. Kesediaan guru-guru perdagangan terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Abd. Rahim Bakar & Mohd. Majid Konting. Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 10(1): 53-61 (2002) ISSN: 0128-7702© Universiti Putra Malaysia Press *Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia*. [http://psasir.upm.edu.my/3357/1/Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia.pdf](http://psasir.upm.edu.my/3357/1/Pelaksanaan_Pendidikan_Keusahawanan_di_Malaysia.pdf).
- Zulfakar Ishak, Noraishah Buang & Laila Halim. 2010. Ciri-ciri Tahap Pemikiran Sains keusahawanan dan Kesediaan Integrasi Pemikiran Sains Keusahawanan dalam Proses Pengajaran Guru-Guru Sains di MRSM. Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM; jilid.1:4. Fakulti Pendidikan, UKM. Bangi.